- (c) Apakah akan berlaku kepada bacaan ammeter jika  
*What will happen to the ammeter reading if*
- (i) sambungan bagi terminal bateri diterbalikkan?  
*the connection of the battery terminal is reversed?* [1 markah/*mark*]
  - (ii) keamatan cahaya hijau yang lebih tinggi disinarkan pada logam  
*higher intensity of green light is shined on the metal?* [1 markah/*mark*]
  - (iii) cahaya hijau digantikan dengan cahaya ultraungu?  
*green light is replaced with ultraviolet light?* [1 markah/*mark*]

MODUL CEMERLANG FIZIK

DAYA DAN GERAKAN 1

- 1 Rajah 1 menunjukkan sebuah graf halaju-masa bagi menggambarkan pergerakan berbasikal Aqil dari rumah ke sekolah  
*Diagram 1 shows the velocity – time graph to illustrate the motion of Aqil’s cycling from his house to his school.*



Rajah 1 / Diagram 1

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan halaju?  
*What is the meaning of velocity?* [1 markah/mark]
- (b) Berdasarkan rajah 1, perihalkan halaju dan pecutan Aqil semasa berbasikal dari A ke D.  
*Based on diagram 1, describe the velocity and acceleration of Aqil while cycling from A to D* [3 markah/marks]
- (c) Berdasarkan Rajah 1, hitungkan  
*Based on the Diagram 1, calculate*
- i) Pecutan bagi AB dan CD  
*Acceleration of AB and CD* [4 markah/marks]
- ii) Jumlah sesaran  
*Total displacement* [2 markah/marks]
- (d) Jadual 1 menunjukkan senarai ciri-ciri empat jenis basikal J, K, L dan M  
*Table shows the list of characteristics of four types of bicycle J, K, L and M*

Jenis basikal <i>Type of bicycle</i>	Bahan untuk rangka basikal <i>Materials of bicycle frame</i>	Jenis pemegang <i>Type of handle</i>	Saiz tayar <i>Size of tyre</i>	Jenis tayar <i>Type of tyre</i>
J	Keluli Aloii <i>Alloy steel</i>	Pemegang bengkok <i>Drop handle</i>	Lebar <i>Wide</i>	Tanpa bunga <i>Without thread</i>
K	Gentian Karbon <i>Carbon fibre</i>	Pemegang bengkok <i>Drop handle</i>	Tirus <i>Narrow</i>	Tanpa bunga <i>Without thread</i>

L	Gentian Karbon <i>Carbon fibre</i>	Pemegang lurus <i>Straight handle</i>	Tirus <i>Narrow</i>	Berbunga <i>With thread</i>
M	Keluli Alooi <i>Alloy steel</i>	Pemegang lurus <i>Straight handle</i>	Lebar <i>Wide</i>	Berbunga <i>With thread</i>

Jadual 1 / Table 1


Kaji spesifikasi keempat – empat jenis basikal. Terangkan kesesuaian bagi setiap reka bentuk dan spesifikasinya. Tentukan basikal yang paling sesuai digunakan untuk bergerak dengan kelajuan tinggi. Beri sebab untuk pilihan anda.

*Study the specification of all four types of bicycle. Explain the suitability of each design and their specifications. Determine the most suitable bicycle that can travel with higher speed. Give reasons for your choice*

[10 markah /marks]

## KEGRAVITIAN

- 2 Rajah 2 menunjukkan sebuah planet mengelilingi matahari. Masa yang diambil untuk planet bergerak dari A ke B adalah sama dari C ke D.  
*Diagram 1 shows a planet evolves the Sun. The time taken for the planet to travel from A to B is equal from C to D.*



Rajah 2/Diagram 2

- (a) Nyatakan bentuk orbit  
*State the shape of orbit* [1 markah/mark]
- (b) Berdasarkan Rajah 2,  
*Based on Diagram 2,*
- Bandingkan panjang lengkok orbit bagi AB dan CD.  
*Compare the arc length of orbit AB and CD* [1 markah/mark]
  - Bandingkan luas yang dicakupi oleh planet di kawasan FAB dan FCD.  
*Compare the area covered by the planet at region FAB and FCD* [1 markah/mark]
  - Bandingkan laju linear A ke B dan C ke D.  
*Compare the linear speed of planet at AB and CD.* [1 markah/mark]

iv) Nyatakan hubungan antara masa yang diambil dengan luas yang dicakupi bagi kedua-dua kawasan.  
*State the relationship between the time taken and area covered at both regions.*

[1 markah/mark]

(c) Nyatakan hukum yang terlibat untuk menerangkan 2(b)(iv).  
*State the law involved to explain 2(b)(iv).*

[1 markah/mark]

(d) Bumi mempunyai halaju lepas yang tinggi iaitu  $11\,200\text{ m s}^{-1}$ . Terangkan secara ringkas satu manfaat dan satu implikasi halaju lepas yang tinggi terhadap manusia.

*The Earth has a high escape velocity is  $11\,200\text{ m s}^{-1}$ . Explain briefly one benefit and one implication of high escape velocity on humans.*

[4 markah/marks]

(e) Untuk siaran langsung Piala Dunia bola sepak ke seluruh dunia, satu rangkaian satelit komunikasi diperlukan untuk merangkumi seluruh Bumi. Untuk tujuan ini, beberapa satelit perlu ditempatkan di atas permukaan Bumi pada tempat-tempat tertentu.

*To broadcast live World Cup football to the world, a network of communications satellites needed to cover the entire Earth. For this purpose, some satellites need to be placed above the surface of the Earth at certain places.*

Jadual 2 menunjukkan ciri-ciri bagi sistem satelit yang berbeza

*Table 2 shows the characteristics of the different satellite system.*

Satelit <i>Satellite</i>	Jenis satelit <i>Type of Satellite</i>	Sudut liputan <i>Angle of coverage</i>	Tempoh orbit <i>Period of orbit</i>	Bilangan minimum satelit <i>Minimum number of Satellite</i>
P	Satelit geopegun <i>Geostationary Satellite</i>	$80^{\circ}$	24 jam/hour	3
Q	Satelit bukan geopegun <i>Non-Geostationary Satellite</i>	$120^{\circ}$	36 jam/hour	5
R	Satelit geopegun <i>Geostationary Satellite</i>	$120^{\circ}$	24 jam/hour	3
S	Satelit bukan geopegun <i>Non-Geostationary Satellite</i>	$80^{\circ}$	36 jam/hour	5

Jadual 2 / Table 2

Kaji spesifikasi keempat-empat ciri bagi sistem tersebut. Terangkan kesesuaian setiap spesifikasi untuk semua satelit dan tentukan sistem satelit yang paling sesuai digunakan untuk siaran secara langsung pertandingan Piala Dunia. Beri sebab untuk pilihan anda.

*Study the four specifications of the system above. Explain the suitability of each specification for all satellites and determine the most suitable satellite system for live broadcast of World Cup matches. Give reasons for your choice.*

[10 markah/marks]







HABA

- 3 Rajah 3.1 menunjukkan air minuman yang dijual di tepi jalan.  
*Figure 3.1 shows drinking water sold on the roadside*



Rajah 3.1/ Diagram 3.1

- (a) i) Apakah yang dimaksudkan dengan haba pendam tentu pelakuran.  
*What is meant by specific latent heat of fusion.* [1 markah /1 mark]
- ii) Terangkan mengapa satu plastik air milo panas boleh disejukkan dengan lebih cepat dengan menambahkan ais ke dalamnya.  
*Explain why a plastic of hot milo water can be cooled faster by adding ice into it.* [4 markah /4 marks]
- (b) i) Kirakan haba yang diperlukan oleh air minuman milo itu untuk menukarkan 0.5 kg ais pada suhu 0 °C kepada air minuman milo pada suhu 15 °C.  
*Calculate the heat required for the milo drinks to convert 0.5 kg of ice at a temperature of 0 °C to iced milo drinks at a temperature of 15 °C* [4 markah /4 marks]
- ii) Nyatakan andaian yang dibuat dalam pengiraan anda.  
*State the assumptions made in your calculations.*  
[Haba pendam tentu pelakuran ais =  $3.34 \times 10^5 \text{ J kg}^{-1}$ , Muatan haba tentu air =  $4200 \text{ J kg}^{-1}\text{°C}^{-1}$ ]  
[*The latent heat of fusion of ice =  $3.34 \times 10^5 \text{ J kg}^{-1}$ , Specific heat capacity =  $4200 \text{ J kg}^{-1}\text{°C}^{-1}$* ] [1 markah /1 mark]
- (c) Rajah 3.2 menunjukkan empat reka bentuk periuk pengukus, P, Q, R dan S dengan spesifikasi yang berbeza.  
*Diagram 3.2 shows four designs of steamer pot, P, Q, R and S with different specifications.*

	Periuk pengukus <i>Steamer pot</i>	Ciri-ciri <i>Characteristics</i>
P		Menggunakan dapur gas <i>Using a gas stove</i> Penutup legap <i>Opaque cover</i> Kapasiti 33 Liter <i>Capacity of 33 Litre</i> Tiada pemasa dan thermostat <i>No timer and thermostat</i>
Q		Menggunakan sumber elektrik <i>Using electric source</i> Penutup lutsinar <i>Transparent cover</i> Kapasiti 60 Liter <i>Capacity of 60 Litres</i> Ada pemasa dan thermostat <i>Has timer and thermostat</i>
R		Menggunakan dapur gas <i>Using a gas stove</i> Penutup legap <i>Opaque cover</i> Kapasiti 8 Liter <i>Capacity of 8 Litres</i> Tiada pemasa dan thermostat <i>No timer and thermostat</i>
S		Menggunakan sumber elektrik <i>Using electric source</i> Penutup lutsinar <i>Transparent cover</i> Kapasiti 4 Liter <i>Capacity of 4 Litres</i> Ada pemasa dan thermostat <i>Has timer and thermostat</i>

Rajah 3.3 / Diagram 3.3

Anda dikehendaki untuk menentukan periuk pengukus yang paling sesuai bagi menghasilkan makanan kukus dengan pantas.

Kaji spesifikasi keempat-empat periuk pengukus berdasarkan aspek Terangkan kesesuaian setiap spesifikasi dan seterusnya tentukan reka bentuk periuk pengukus yang paling sesuai.

Beri sebab untuk pilihan anda.

*You are required to determine the most suitable design of a steamer pot to produce steamed food in short time.*

*Study the specifications of the four steamer pot based on the aspects*

*Explain the suitability of each specification and then determine the most suitable design of the steamer pot.*


*Give reason for your choice.*

[ 10 markah / marks]

## GELOMBANG

- 4 Rajah 4.1 menunjukkan spektrum gelombang elektromagnet.

*Diagram 4.1 shows an electromagnetic wave spectrum.*



Rajah 4.1 / Diagram 4.1

- (a) Takrifkan gelombang elektromagnet.

*Define electromagnetic wave.*

[1 markah/mark]


- (b) Nyatakan gelombang elektromagnet A dan B serta kegunaannya.

*State the electromagnetic waves A and B and their uses.*

[4 markah/marks ]


- (c) Gelombang elektromagnet digunakan dalam alat kawalan jauh untuk mengendalikan peranti seperti televisyen, kereta dan pintu pagar dari jauh secara tanpa wayar. Rajah 4.2 menunjukkan alat kawalan jauh digunakan untuk mengunci kereta. Walaupun orang A berada di antara alat kawalan jauh dan kereta, kereta itu masih boleh dikunci.

*Electromagnetic waves are used in remote controls to operate devices such as television, car and gates from a distance by wireless. Diagram 4.2 shows a remote control used to lock the car. Although person A is in between the remote control and the car, the car can still be locked.*




Rajah 4.2 / Diagram 4.2

- i) Pada rajah 4.3, lukis corak gelombang berdasarkan situasi di atas.  
*On diagram 4.3, draw the wave pattern based on the above situation.*  
 [1 markah/mark]



Rajah 4.3 / Diagram 4.3

- ii) Cadangkan jenis gelombang elektromagnet yang digunakan dalam alat kawalan jauh dan terangkan bagaimana alat kawalan jauh berfungsi untuk mengunci kereta.  
*Suggest the type of electromagnetic wave used in the remote control and explain how the remote control works to lock the car.*  
 [2 markah/marks]
- iii) Diberi bahawa gelombang elektromagnet itu dipancarkan dengan frekuensi 20 MHz dan Halaju  $3.0 \times 10^8 \text{ ms}^{-1}$ , tentukan panjang gelombangnya.  
*Given that the electromagnetic waves are transmitted with a frequency of 20 MHz and velocity  $3.0 \times 10^8 \text{ ms}^{-1}$ , determine its wavelength.*  
 [2 markah/mark]
- (d) Pengesan ikan digunakan oleh kapal nelayan untuk mengesan lokasi kawanan ikan di laut. Rajah 4.4 menunjukkan cara pengesan ikan berfungsi.  
*A fish detector is used by fishing boats to detect the location of shoals of fish in the sea. Diagram 4.4 shows how the fish detector work.*



Rajah 4.4/Diagram 4.4

Gelombang <i>Waves</i>	Jenis gelombang <i>Type of wave</i>	Frekuensi <i>Frequency</i>	Panjang gelombang <i>Wavelength</i>	Kuasa penembusan <i>Penetrating power</i>
P	Gelombang radio <i>Radio waves</i>	Tinggi <i>High</i>	Panjang <i>Long</i>	Sederhana <i>Moderate</i>
Q	Gelombang radio <i>Radio waves</i>	Rendah <i>Low</i>	Pendek <i>Short</i>	Rendah <i>Low</i>
R	Gelombang ultrasonik <i>Ultrasonic waves</i>	Tinggi <i>High</i>	Panjang <i>Long</i>	Tinggi <i>High</i>
S	Gelombang ultrasonik <i>Ultrasonic waves</i>	Rendah <i>Low</i>	Panjang <i>Long</i>	Sederhana <i>Moderate</i>
T	Sinar gamma <i>Gamma rays</i>	Tinggi <i>High</i>	Pendek <i>Short</i>	Rendah <i>Low</i>

Jadual 4/ Table 4


Jadual 4 menunjukkan lima jenis gelombang dengan ciri-ciri yang berbeza yang dipancarkan oleh pengesan ikan. Anda dikehendaki memilih gelombang dengan ciri-ciri yang sesuai yang boleh digunakan untuk menentukan lokasi kawanan ikan di laut.

*Table 4 shows five types of waves with difference characteristic that are transmitted by fish detectors. You are required to choose the wave with suitable characteristic that can be used to determined the location of shoals of fish in the sea.*

[10 markah/marks]

CAHAYA DAN OPTIK

- 5 Rajah 5.1 dan Rajah 5.2 menunjukkan sinar cahaya yang merambat melalui dua batu permata dengan sudut genting,  $c$  yang berbeza.  
*Diagram 5.1 and Diagram 5.2 shows a light ray passing through two gemstones with different critical angles,  $c$*



Rajah 5.1 / Diagram 5.1

- (a) Apakah maksud sudut genting?  
*What is the meaning of critical angle?* [1 markah/mark]
- (b) Menggunakan Rajah 5.1 dan Rajah 5.2, bandingkan sudut genting,  $c$ , ketumpatan,  $\rho$  dan indeks biasan,  $n$ .  
*Using Diagram 5.1 and Diagram 5.2, compare the critical angle  $c$ , density,  $\rho$  and refractive index,  $n$ .* [3 markah/marks]
- (c) Nyatakan hubungan antara indeks biasan dengan  
*State the relationship between the refractive index and*  
 (i) ketumpatan.  
*the density.*  
 (ii) sudut genting.  
*the critical angle* [2 markah/marks]
- (d) Rajah 5.3 menunjukkan sebentuk cincin kaca dan cincin berlian.  
*Diagram 5.3 shows a glass ring and a diamond.*




Rajah 5.3 / Diagram 5.3

Terangkan mengapa cincin berlian lebih berkilau berbanding dengan cincin kaca apabila cahaya merambat melaluinya.  
*Explain why the diamond ring sparkles compared to the glass ring when light passes through them.*

[4 markah/marks]

- (e) Rajah 5.4 menunjukkan keratan rentas suatu gentian optik yang digunakan dalam sebuah endoskop.

*Diagram 5.4 shows the cross-section of an optical fibre used in an endoscope.*



Rajah 5.4 / Diagram 5.4

Anda dikehendaki untuk mengubah suai reka bentuk dalam Rajah 5.4 supaya gentian optik itu dapat berfungsi dengan lebih efisien dalam endoskop itu. Nyatakan dan terangkan pengubahsuaian berdasarkan aspek-aspek yang berikut:

*You are required to modify the design in Diagram 5.4 so that the optical fibre can function more efficiently in the endoscope. State and explain the modifications based on the following aspects:*

- (i) Perbandingan antara indeks biasan teras dalam dan pembalut luar.  
*Comparison between the refractive index of the inner core and the outer cladding.*
- (ii) Ketulenan teras dalam.  
*Purity of the inner core.*
- (iii) Ketumpatan bahan pembuatan gentian optik itu  
*Density of the material used for making the optical fibre.*
- (iv) Kelenturan dan kekuatan gentian optik.  
*Flexibility and strength of the optical fibre.*
- (v) Pembalutan gentian optik.  
*Wrapping of the optical fibre*

[10 markah/marks]

## DAYA DAN GERAKAN II

- 6 (a) Apakah yang dimaksudkan dengan kekenyalan?  
*What is the meaning of elasticity?*

[1 markah/marks]

- (b) Rajah 6.1 menunjukkan Azman dan adiknya sedang bermain dengan trampolin.

*Diagram 6.1 shows Azman and his sister are playing with a trampoline.*



Rajah 6.1 / Diagram 6.1

Sebuah trampolin tidak lagi boleh digunakan kerana telah melebihi had kenyalnya. Dengan menggunakan konsep had kekenyalan spring, terangkan mengapa trampolin tersebut tidak lagi boleh digunakan.

*A trampoline cannot be used anymore because it exceeds the elastic limit. By using the concept of elastic limit of the spring, explain why the trampoline cannot be used anymore.*

[ 4 markah/marks]

- (c) Rajah 6.2 menunjukkan ciri-ciri spring yang digunakan untuk membuat buaian bayi. Sebagai seorang jurutera, anda ditugaskan untuk menentukan spring yang sesuai digunakan untuk membuat buaian bayi. Berikan sebab bagi pilihan anda.


*Table 6.2 shows the characteristic of baby's cradle spring. As a material engineer, you are assigned to determine the most suitable spring used to make a cradle's spring. Give the reason for your choice.*

Spring	Pemalar daya <i>Force constant</i> ( $\text{N cm}^{-1}$ )	Diameter spring <i>Diameter of spring</i> (cm)	Susunan spring <i>Spring arrangement</i>	Jenis bahan <i>Type of material</i>
M	105	5.2	Selari <i>Parallel</i>	Besi <i>Iron</i>
N	45	2.2	Siri <i>Series</i>	Keluli <i>Steel</i>
O	20	5.2	Siri <i>Series</i>	Keluli <i>Steel</i>
P	160	1.2	Siri <i>Series</i>	Keluli <i>Steel</i>
Q	140	4.2	Selari <i>Parallel</i>	Besi <i>Iron</i>

[ 10 markah / marks ]

- (d) Rajah 6.3 menunjukkan satu spring dengan panjang asal 40 cm digunakan masing-masing untuk menyokong objek A dan objek B.  
*Diagram 6.3 shows a spring with initial length of 40 cm is used to support object A and B.*





Rajah 6.3 / Diagram 6.3

- (i) Berdasarkan Rajah 6.3, jisim objek A ialah 4 kg. Kirakan jisim objek B.

*Based on Diagram 6.3, the mass of object A is 4 kg. Calculate the mass of object B.*

[ 2 markah/marks ]


- (ii) Hitung tenaga keupayaan kenyal yang tersimpan dalam Rajah 6.3(b).  
*Calculate the elastic potential energy stored in Diagram 6.3(b).*

[3 markah/marks]

## TEKANAN

- 7 Rajah 7.1 menunjukkan radas yang digunakan oleh seorang murid dalam mengkaji Prinsip Archimedes.

*Diagram 7.1 shows the apparatus used by a student to study Archimedes' Principle.*



Rajah 7.1 / Diagram 7.1

Rajah 7.1 (a) menunjukkan blok logam di ukur oleh sebuah neraca spring. Bacaannya adalah 20 N.

Rajah 7.1 (b) menunjukkan blok logam separa terendam dalam air. Bacaan neraca spring adalah 14 N.

Rajah 7.1 (c) menunjukkan blok logam diturunkan sehingga terendam penuh dalam air. Bacaan neraca spring adalah 10 N.

[Ketumpatan air ialah  $1 \times 10^3 \text{ kg m}^{-3}$ .]

Diagram 7.1 (a) shows a metal block is measured by a spring balance, The reading is 20 N.

Diagram 7.1 (b) shows the metal block is semi -submerged in the water. The reading of spring balance is 14 N.

Diagram 7.1 (c) shows the metal block being lowered until fully submerged in water. The reading of the spring balance is 10 N.

[The density of water is  $1 \times 10^3 \text{ kg m}^{-3}$  ]

- (a) Apakah maksud Prinsip Archimedes?  
*What is the meaning of Archimedes' Principle?* [1 markah/mark]
- (b) Berdasarkan Rajah 7(a), (b) dan (c):  
*Based on Diagrams 7(a), (b) and (c):*
- i) Apakah daya apungan yang bertindak ke atas blok logam pada Rajah 7(b)?  
*What is the buoyant force acting on the metal block in Diagram 7(b)?* [1 markah/mark]
- ii) Hitungkan isipadu blok logam pada Rajah 7. Ketumpatan air adalah  $1 \times 10^3 \text{ kg m}^{-3}$ .  
*Calculate the volume of the metal block in Diagram 7. The density of water is  $1 \times 10^3 \text{ kg m}^{-3}$*  [3 markah/marks]
- iii) Rajah 7(b) dan (c) menunjukkan isipadu air tersesar bertambah apabila bongkah logam diturunkan ke dalam air. Apakah akan berlaku kepada isipadu air tersesar jika bongkah itu diturunkan lagi ke dalam air?  
*Diagrams 7(b) and (c) show that the volume of displaced water increases when the metal block is lowered into the water. What would happen to the displaced water if the block is lowered further into the water?* [1 markah/mark]
- (c) Kenderaan penyelam laut dalam (DSV) diperlukan oleh satu syarikat perlombongan laut untuk menjalankan operasi penyelamat laut dalam. Kenderaan mesti dapat tenggelam dan timbul dengan cepat, bergerak dengan kelajuan mengufuk tinggi dan membawa sejumlah anak kapal dengan selamat.  
Ciri-ciri empat DSV P, Q, R dan S diberikan dalam Jadual 7 di bawah.

*A deep submergence vehicle (DSV) is required by a marine mining company to carry out deep sea rescue operations. The vehicle must be able to submerge and emerge quickly, travel at high horizontal speeds and carry a number of crew safely.*

*The characteristics of four DSVs P, Q, R and S are given in the Table 7 below.*

Jenis DSV <i>Type of DSV</i>	Bentuk <i>Shape</i>	Isipadu tangki ballast (Liter) <i>Volume of ballast tanks (Litre)</i>	Bilangan tangki udara termampat <i>Number of pressurised air tanks</i>	Tekanan maksimum yang dapat ditahan <i>Maximum pressure withstood (atm)</i>
P	Larus <i>Streamline</i>	9000	20	6.1
Q	Bulat <i>Round</i>	4500	20	7.5
R	Larus <i>Streamline</i>	6000	18	6.0
S	Larus <i>Streamline</i>	9000	18	3.1

Jadual 7 / Table 7

Terangkan kesesuaian setiap ciri yang disenaraikan dan tentukan DSV mana yang harus dipilih. Beri sebab untuk pilihan anda.

*Explain the suitability of each characteristic listed and determine which DSV should be chosen. Give reasons for your choice.*

[10 markah/marks]

- (d) Rajah 7.2 menunjukkan seorang budak menolak sebuah bola ke bawah permukaan air. Apabila dilepaskan, bola itu meluru ke atas, keluar dari air.  
*Diagram 7.2 shows a boy pushing a ball below the surface of the water. When released, the ball rushes upwards, out of the water.*



Rajah 7.2 / Diagram 7.2

Terangkan bagaimana situasi ini terjadi.

*Explain how this situation happens.*

[4 markah/marks]

ELEKTRIK

- 8 Rajah 8.1 menunjukkan satu reostat.  
*Diagram 8.1 shows a rheostat.*



Rajah 8.1/Diagram 8.1

- (a) Apakah fungsi reostat?  
*What is the function of the rheostat?* [1 markah/mark]
- (b) Nyatakan satu faktor yang memberikan kesan kepada perubahan rintangan dalam reostat.  
*State one factor which effects the changes in the resistance in the rheostat.* [1 markah/mark]
- (c) Jelaskan prinsip kerja reostat.  
*Explain the working principle in the rheostat.* [3 markah/marks]
- (d) Rajah 8.2 menunjukkan cerek elektrik yang digunakan untuk mendidihkan air.  
*Diagram 8.2 shows an electric kettle used to boil water.*



Rajah 8.2/Diagram 8.2

Jadual 8 menunjukkan spesifikasi empat wayar dengan diameter sama yang boleh digunakan sebagai elemen pemanas dalam cerek elektrik.

*Table 8 shows the specifications of four wires of the same diameter that can be used as the heating element of the electric kettle.*

Jenis <i>Type</i>	Ketumpatan <i>Density</i> (kg m <sup>-3</sup> )	Takat lebur <i>Melting point</i> (°C)	Kadar pengoksidaan <i>Oxidation rate</i>	Kerintangan <i>Resistivity</i> (Ω m)
J	6500	7500	Tinggi <i>High</i>	$8.0 \times 10^{-7}$
K	7000	8000	Tinggi <i>High</i>	$7.6 \times 10^{-7}$
L	5000	8500	Rendah <i>Low</i>	$3.5 \times 10^{-7}$
M	2500	9000	Rendah <i>Low</i>	$2.3 \times 10^{-7}$

Jadual 8 / Table 8


Anda dikehendaki untuk menentukan dawai yang paling sesuai dan terangkan kesesuaian berdasarkan aspek-aspek berikut. Beri sebab untuk pilihan anda.

*You are required to determine the most suitable wire and explain the suitability based on the following aspects. Give reasons for your choice.*

[10 markah/marks]

- (e) Tiga mentol yang serupa berlabel 6 V, 18 W disambungkan seperti ditunjukkan dalam Rajah 8.3.

*Three identical bulbs labelled 6 V, 18 W are connected as shown in Diagram 8.3.*



Rajah 8.3/ Diagram 8.3

Hitung :

*Calculate :*

- i. Rintangan satu mentol.  
*The resistance of one bulb.*
- ii. Jumlah rintangan dalam litar tersebut.  
*The total resistance in the circuit.*
- iii. Jumlah tenaga yang dilesapkan oleh mentol-mentol tersebut dalam 2 minit.  
*The total energy dissipated by the bulbs in 2 minutes.*

[5 markah/marks]


## KEELEKTROMAGNETAN

- 9 Rajah 9.1 menunjukkan kedudukan magnet sebelum dilepaskan ke gegelung yang serupa.


Rajah 9.2 menunjukkan pesongan maksimum bagi penunjuk galvanometer bila magnet memasuki gegelung. Pesongan penunjuk galvanometer adalah disebabkan oleh pengaliran arus aruhan dalam gegelung.

*Diagram 9.1 shows a position of the magnets before being released into the identical coils.*

*Diagram 9.2 shows the maximum deflection of the pointer of the galvanometer when the magnets enter the coils. The deflection of the pointer is due to the flow of induced current in the coil.*



Rajah 9.1 / Diagram 9.1




Rajah 9.2 / Diagram 9.2

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan arus aruhan?  
*What is the meaning of induced current?* [1 markah/mark]
- (b) Perhatikan Rajah 9.1 dan Rajah 9.2. Bandingkan tinggi magnet yang dilepaskan dan saiz pesongan jarum galvanometer.  
*Observe Diagram 9.1 and Diagram 9.2. Compare the height of the magnet released and the size of the deflection of the galvanometer* [2 markah/marks]
- (c) Nyatakan hubungan antara  
*State the relationship between*

- (i) tinggi magnet dilepaskan dengan halaju magnet bila memasuki gegelung.  
*the height of the magnet released and the velocity of the magnet when it enters the coil.*
- (ii) tinggi magnet dilepaskan dengan saiz pesongan jarum galvanometer.  
*the height of the magnet released and the size of the deflection of the galvanometer.*
- (iii) halaju magnet dengan magnitud arus aruhan bila ia memasuki gegelung.  
*the velocity of the magnet and the magnitude of induced current when it enters the coil.*

[3 markah/marks]

- (d) Rajah 9.3 menunjukkan struktur sebuah dinamo basikal.  
*Diagram 9.3 shows the structure of a bicycle dynamo*



Rajah 9.3 / Diagram 9.3


Terangkan bagaimana dinamo bekerja bagi menghasilkan arus untuk menyalakan lampu depan basikal.

*Explain how the dynamo works to produce current to light up the headlamp of the bicycle.*

[4 markah/marks]

- (e) Rajah 9.4 menunjukkan sebuah model transformer injak naik. Transformer itu tidak cekap.

*Diagram 9.4 shows a model of a step-up transformer. The transformer is not efficient.*



Rajah 9.4 / Diagram 9.4

Anda dikehendaki untuk mengubahsuai transformer injak naik seperti dalam Rajah 9.4 kepada transformer injak turun. Terangkan pengubahsuaian yang perlu dilakukan untuk mengubahnya menjadi transformer yang lebih cekap. Dalam penerangan anda, berikan penekanan kepada aspek-aspek berikut:

*You are required to modify the step-up transformer in Diagram 9.4 to a step-down transformer. Explain modifications that need to be done to change it into a more efficient transformer.*


*In your explanation, emphasize the aspects of:*

- (i) Bilangan lilitan gegelung primer dan gegelung sekunder.  
*Number of turns of primary coil and secondary coil.*
- (ii) Jenis dawai gegelung yang digunakan.  
*Type of wire of coil used.*
- (iii) Bahan dan struktur teras yang digunakan.  
*Material and structure of core used*
- (iv) Cara lilitan gegelung primer dan gegelung sekunder.  
*Way of winding primary and secondary coils.*


[10 markah/marks]

## ELEKTRONIK

- 10 Rajah 10.1 dan 10.2 menunjukkan pesongan sinar katod di dalam tiub pesongan.  
*Diagram 10.1 and 10.2 shows the deflection of a cathode ray in a deflection tube.*



Rajah 10.1/ Diagram 10.1




Rajah 10.2/ Diagram 10.2

- (a) Apakah maksud sinar katod ?  
*What is the meaning of cathode ray?*

[1 markah/mark]



- (b) Menggunakan Rajah 10.1 dan Rajah 10.2,  
*Using Diagram 10.1 and Diagram 10.2,*
- (i) Nyatakan cas bagi sinar katod,  
*State the charge of the cathode ray,* [1 markah/mark]
  - (ii) Bandingkan voltan VLT yang disambungkan pada plat logam dan pesongan pada sinar katod.  
*Compare the voltage of EHT connected to the metal plate and the deflection of the cathode ray.* [2 markah/marks]
- (c) Nyatakan hubungan antara  
*State the relationship between*
- (i) Voltan VLT dengan kekuatan medan eletrik di antara plat logam  
*The voltage of EHT and the strength of the electric field between the metal plates* [1 markah/mark]
  - (ii) Kekuatan medan elektrik di antara plat logam dengan pesongan sinar katod.  
*The strength of the electric field between the metal plates and the deflection of the cathode ray.* [1 markah/mark]
- (d) Rajah 10.3 menunjukkan satu bayang terbentuk pada tiub palang Maltese.  
*Diagram 10.3 shows a shadow is formed on fluorescent screen of the Maltese cross tube.*




Rajah 10.3/ Diagram 10.3

Terangkan bagaimana bayang terbentuk pada skrin pendaflour?  
*Explain how the shadow is formed on the fluorescent screen?*

[4 markah/marks]

- (e) Rajah 10.4 menunjukkan litar transistor yang digunakan untuk menyalakan mentol pada waktu malam.  
*Diagram 10.4 shows a transistor circuit is used to light up a bulb at night.*



Rajah 10.4/ Diagram 10.4

Cadangkan pengubahsuaian yang perlu dilakukan pada litar dalam Rajah 10.4 supaya ia boleh berfungsi sebagai suis amaran kebakaran yang memerlukan voltan tinggi. Terangkan cadangan anda berdasarkan aspek-aspek berikut:


*Suggest the modifications need to be done to the circuit in Diagram 10.4 so that it can function as automatically fire alarm switch that needs high voltage. Explain your suggestions based on the following aspects:*

- Komponen-komponen elektrik yang diperlukan untuk menggantikan mana-mana komponen dalam litar.  
*The electrical components that are needed to replace any components in the circuit.*
- Kedudukan komponen-komponen elektrik dalam litar.  
*The position of these components in the circuit.*
- Komponen elektrik yang perlu disambungkan kepada keluaran transistor  
*The electrical components that is connected to the output transistor.*

[10 markah/marks]


## TENAGA NUKLEAR

11. Rajah 11 menunjukkan proses pembelahan nukleus Uranium-235.  
*Diagram 11 shows a process of nuclear fission of Uranium-235.*



Rajah 11 / Diagram 11

- (a) Apakah maksud pembelahan nukleus?  
*What is the meaning of nuclear fission?* [1 markah /mark]
- (b) Terangkan proses pembelahan nukleus Uranium-235 dalam sebuah reaktor nuklear.  
*Explain the process of nuclear fission of Uranium-235 in a reactor nuclear.* [4 markah /4 marks]
- (c) Rajah 11.1 menunjukkan sebuah reaktor nuklear yang digunakan untuk menjana tenaga nuklear.  
*Diagram 11.1 shows a nuclear reactor which is used to generate nuclear energy.*



Rajah 11.1 / Diagram 11.1

Anda dikehendaki untuk menyiasat ciri-ciri bahagian dalam reaktor nuklear seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 11..

*You are required to investigate the characteristics of the features in the nuclear reactor as shown in Table 11.*

Reaktor nuklear <i>Nuclear reactor</i>	Bahan untuk moderator <i>Material for the moderator</i>	Bahan untuk rod kawalan <i>Material for the control rod</i>	Bahan untuk penyejuk <i>Material for the coolant</i>	Ketebalan dinding konkrit <i>Thickness of concrete shield</i>
W	Grafit <i>Graphite</i>	Kripton <i>Krypton</i>	Minyak <i>Oil</i>	Nipis <i>Thin</i>
X	Besi <i>Iron</i>	Boron <i>Boron</i>	Minyak <i>Oil</i>	Nipis <i>Thin</i>
Y	Grafit <i>Graphite</i>	Boron <i>Boron</i>	Air <i>Water</i>	Tebal <i>Thick</i>
Z	Besi <i>Iron</i>	Kripton <i>Krypton</i>	Air <i>Water</i>	Tebal <i>Thick</i>


Table 11 / Jadual 11

Terangkan kesesuaian ciri setiap bahagian dalam reaktor nuklear itu yang dapat menghasilkan tenaga nuklear yang terkawal dan selamat. Tentukan reaktor yang paling sesuai untuk digunakan. Berikan sebab-sebab untuk pilihan anda.

*Explain the suitability of each characteristic of the features in the nuclear reactor which can generate a controlled nuclear reaction safely. Determine the most suitable reactor to be used. Give reasons for your choice.*

[10 markah /10 marks]

- (d) Satu tindak balas nuklear diwakili oleh persamaan berikut:  
*A nuclear reaction is represented by the following equation:*



Cacat jisim yang dihasilkan dalam tindak balas adalah 0.19585 u.

*The mass defect produced in the reaction is 0.19585 u.*

[1 u =  $1.66 \times 10^{-27}$  kg]

Hitungkan,

*Calculate,*

- (i) tenaga yang dibebaskan.  
*energy released.*


[3 markah/marks]

- (ii) kuasa yang dijanakan dalam 5 ms.  
*power generated in 5 ms.*

[2 markah/marks]

TEORI KUANTUM

- 12 Rajah 12.1 menunjukkan corak yang diperhatikan pada skrin apabila alur elektron dibiarkan melalui kepingan nipis filem grafit dalam senapang elektron. *Diagrams 12.1 shows the pattern observed on the screen when electron beam is allowed to pass through a thin sheet of graphite film in an electron gun.*



Rajah 12.1 / Diagram 12.1

- (a) Apakah maksud kedualan gelombang-zarah?  
*What is the meaning of wave-particle duality?* [1 markah/mark]
- (b) Jelaskan mengapa elektron dikatakan mempamerkan kedualan gelombang-zarah.  
*Explain why electron is said exhibits wave-particle duality.* [4 markah/marks]
- (c) Jadual 12 menunjukkan sifat-sifat empat mikroskop yang berbeza.  
*Table 12 shows the characteristics of four different microscopes.*

Mikroskop <i>Microscope</i>	Kaedah penghasilan sumber sinaran <i>Method of production of illuminating source</i>	Medium perambatan bagi sinaran <i>Medium of propagation for illuminating source</i>	Jisim rehat bagi sumber sinaran, m (kg) <i>Rest mass of the illuminating source, m (kg)</i>	Laju sumber sinaran, v (m s <sup>-1</sup> ) <i>Speed of the illuminating source, v (m s<sup>-1</sup>)</i>
P	Medan elektrik <i>Electric field</i>	Vakum <i>Vacuum</i>	6.64 x 10 <sup>-27</sup>	1.5 x 10 <sup>3</sup>
Q	Medan elektrik <i>Electric field</i>	Atmosfera <i>Atmosphere</i>	6.64 x 10 <sup>-27</sup>	5.0 x 10 <sup>6</sup>
R	Reaktor nuklear <i>Nuclear reactor</i>	Atmosfera <i>Atmosphere</i>	3.11 x 10 <sup>-31</sup>	1.5 x 10 <sup>7</sup>
S	Medan elektrik <i>Electric field</i>	Vakum <i>Vacuum</i>	3.11 x 10 <sup>-31</sup>	5.0 x 10 <sup>7</sup>

Jadual 12/ Table 12

Berdasarkan pengetahuan kedualan gelombang zarah dan panjang gelombang de Broglie, terangkan kesesuaian setiap ciri dan tentukan mikroskop yang paling sesuai digunakan oleh saintis dalam mempelajari virus COVID-19 untuk menemui penawar bagi penyakit tersebut.


[Pemalar Planck,  $h = 6.63 \times 10^{-34} \text{ J s}$ ]

*Based on knowledge of wave-particles duality and de Broglie wavelength, explain the suitability of each characteristics and determine the most suitable microscope to be used by scientist to study COVID-19 virus in order to find cure for the disease.*

[Planck constant,  $h = 6.63 \times 10^{-34} \text{ J s}$ ]

[10 markah /10 marks ]

- (d) Rajah 12.2 menunjukkan alur elektron dipecutkan pada beza keupayaan 4000 V dalam senapang elektron  
*Diagrams 12.2 shows the electron beam is accelerated at potential different of 4000 V in an electron gun.*



Rajah 12.2 / Diagram 12.2

Hitung / Calculate

- (i) Laju elektron  
*Speed of the electron* [2 markah/marks]
- (ii) Panjang gelombang bagi alur gelombang yang telah dipecutkan oleh beza keupayaan 4000 V.  
 [Pemalar Planck =  $6.63 \times 10^{-34}$ , jisim elektron =  $3.1 \times 10^{-31} \text{ kg}$ , cas elektron =  $1.6 \times 10^{-19} \text{ C}$ ]  
*Wavelength of a beam of electron which is accelerated by a potential different of 4000 V.*  
 [Planck constant =  $6.63 \times 10^{-34}$ , mass of an electron =  $3.1 \times 10^{-31} \text{ kg}$ , charge of an electron =  $1.6 \times 10^{-19} \text{ C}$ ] [3 markah/marks]

CONTOH SKEMA MODUL CEMERLANG

BAHAGIAN B/ SECTION B

NO	RUBRIC	SUB MARK	TOTAL								
1	(a) Kadar perubahan sesaran <i>Rate of change of displacement</i>	1	1								
	(b) AB : halaju bertambah secara seragam // pecutan malar <i>AB : velocity increases uniformly // uniform acceleration</i> BC: halaju malar // pecutan sifar/ tiada pecutan <i>BC : uniform velocity // zero acceleration</i> CD: halaju berkurang secara seragam / nyahpecutan malar <i>CD : velocity decreases uniformly // uniform deceleration</i>	1 1 1	3								
	(c) i) AB $a = \frac{v - u}{t}$ $a = \frac{20 - 0}{5 - 0}$ $= 4 \text{ ms}^{-1}$  CD $a = \frac{v - u}{t}$ $a = \frac{0 - 20}{19 - 15}$ $a = - 5 \text{ ms}^{-1}$	1 1  1 1	4								
	ii) Jumlah sesaran $s = \frac{1}{2} (15 + 10)(20) + \frac{1}{2} (4)(20)$ $= 290 \text{ m}$	1 1	2								
	(d) <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 50%;">Ciri – ciri <i>Characteristics</i></th> <th style="width: 50%;">Penerangan <i>Explanation</i></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Rangka badan dari gentian karbon <i>Materials of frame - carbon fibre</i></td> <td>Ringan / jisim kecil/ ketumpatan rendah <i>Light / small mass / less density</i></td> </tr> <tr> <td>Pemegang bengkok <i>Drop handle</i></td> <td>Pengayuh berada dalam posisi aerodinamik/ mengurangkan rintangan udara <i>Handle in aerodynamic position / reduce air resistance</i></td> </tr> <tr> <td>Tayar tirus <i>Narrow tyre</i></td> <td>Ringan/ kurangkan geseran <i>Light / reduce friction</i></td> </tr> </tbody> </table>	Ciri – ciri <i>Characteristics</i>	Penerangan <i>Explanation</i>	Rangka badan dari gentian karbon <i>Materials of frame - carbon fibre</i>	Ringan / jisim kecil/ ketumpatan rendah <i>Light / small mass / less density</i>	Pemegang bengkok <i>Drop handle</i>	Pengayuh berada dalam posisi aerodinamik/ mengurangkan rintangan udara <i>Handle in aerodynamic position / reduce air resistance</i>	Tayar tirus <i>Narrow tyre</i>	Ringan/ kurangkan geseran <i>Light / reduce friction</i>	1+1  1+1  1+1 1+1	10
Ciri – ciri <i>Characteristics</i>	Penerangan <i>Explanation</i>										
Rangka badan dari gentian karbon <i>Materials of frame - carbon fibre</i>	Ringan / jisim kecil/ ketumpatan rendah <i>Light / small mass / less density</i>										
Pemegang bengkok <i>Drop handle</i>	Pengayuh berada dalam posisi aerodinamik/ mengurangkan rintangan udara <i>Handle in aerodynamic position / reduce air resistance</i>										
Tayar tirus <i>Narrow tyre</i>	Ringan/ kurangkan geseran <i>Light / reduce friction</i>										

		Tayar tanpa bunga <i>Tyre without thread</i>	Ringan/ kurangkan geseran <i>Light / reduce friction</i>		
		Pilihan K: rangka badan dari gentian karbon, pemegang bengkok, tayar tirus, tayar tanpa bunga Choose K : <i>materials of frame is carbon fibre, drop handle, narrow tyre and tyre without thread</i>		1+1	
<b>JUMLAH</b>					20

### BAHAGIAN C / SECTION C

NO		RUBRIC	SUB MARK	TOTAL
2	(a)	Elips / <i>Ellipse</i>	1	1
	(b)	i) Panjang lengkok: $AB > CD$ <i>Arc length of orbit : <math>AB &gt; CD</math></i>	1	4
		ii) Luas yang dicakupi: $FAB = FCD$ <i>Area covered: <math>FAB = FCD</math></i>	1	
		iii) Laju linear: $AB > CD$ <i>Linear velocity : <math>AB &gt; CD</math></i>	1	
		iv) Apabila masa yang diambil sama, maka luas yang dicakupi juga adalah sama <i>When time taken is same, area covered is same</i>	1	
	(c)	Hukum Kepler Kedua // <i>Kepler's Second Law</i>	1	1
	(d)	✓ Bumi berupaya mengekalkan lapisan atmosfera di sekelilingnya. <i>Earth is able to maintain a layer of atmosphere around it</i>	1	4
		✓ Molekul-molekul udara tidak akan terlepas ke angkasa lepas <i>Air molecules will not escape into space</i>	1	
		✓ Kapal terbang boleh terbang pada altitud tinggi <i>Airplanes can fly at high altitudes</i>	1	
		✓ Tidak akan terlepas ke angkasa lepas <i>Will not escape into outer space</i>	1	



(e)	Ciri-ciri	Alasan		
	Jenis satelit : geopegun <i>Type of satellite : geostationary</i>	Supaya berada di atas kawasan yang sama pada setiap masa <i>Satellite to be over the same area every time</i>	1 + 1	
	Sudut liputan: besar <i>Angle of coverage : large</i>	Supaya dapat meliputi kawasan yang lebih luas <i>Its coverage of wider area</i>	1 + 1	
	Tempoh orbit: 24 jam /sama tempoh putaran bumi <i>Period of orbit : 24 hours / same to period of the earth's rotation</i>	Supaya ia mengorbit pada kelajuan yang sama seperti Bumi berputar. <i>Orbiting with same velocity with Earth's rotation.</i>	1 + 1	
	Bilangan minimum satelit: sedikit <i>Number of minimum satellite : small</i>	Menjimatkan kos untuk siaran langsung meliputi seluruh dunia. <i>Save cost for live telecast to cover worldwide</i>	1 + 1	
	Pilihan R <i>Choose R</i>	Kerana ia satelit geopegun, sudut liputan besar, tempoh orbit ialah 24 jam dan bilangan satelit yang sedikit. <i>Because its geostationary, wide angle of coverage, orbital period 24 hours and small number of satellite.</i>	1 + 1	
<b>JUMLAH</b>				10 20



SCAN QR CODE UNTUK SKEMA PENUH.